

20 OCT 1996

Abdullah-Viet

PENGALAMAN MALAYSIA DALAM PEMBANGUNAN VIETNAM

Oleh: Mohd Ghazemy Mahmud

HO CHI MINH CITY, 20 Okt (Bernama) -- Malaysia akan terus membantu Vietnam dalam usaha-usaha pembangunannya dan meningkatkan tahap hubungan dua hala, kata Menteri Luar Datuk Abdullah Ahmad Badawi hari ini.

Katanya kerjasama dua hala amat baik termasuk hubungan yang unik antara parti-parti memerintah kedua-dua negara.

"Malaysia akan terus membantu Vietnam dalam sebarang bidang pembangunan negara itu," katanya kepada wartawan Malaysia di akhir lawatan rasmi dua hari ke negara sosialis ini.

Katanya semasa perbincangan dengan para pegawai kanan di sini mereka menyatakan bahawa Vietnam telah banyak belajar daripada pengalaman Malaysia dalam pembangunan negara.

Vietnam juga mengalu-alukan lebih banyak pelaburan dan usahasama Malaysia termasuk dalam industri pembinaan dan bangunan berikutan negara itu sedang melaksanakan program perumahan secara besar-besaran untuk rakyat miskin di kawasan bandar, katanya.

"Syarikat-syarikat Malaysia perlu merebut peluang-peluang yang diwujudkan dalam pembangunan Vietnam sekarang," katanya.

Sebelum itu, beliau menghadiri jamuan tengah hari anjuran Kelab Malaysia Ho Chi Minh City di sebuah hotel di sini di mana beliau juga menyaksikan majlis menandatangani memorandum persefahaman antara Teik Tatt Holding dari Malaysia dan syarikat Vietnam, Suoi Tien Company untuk membina sebuah taman tema di sini.

Abdullah, yang diiringi delegasi 30 anggota termasuk peniaga, tiba di Hanoi pada Khamis untuk mengadakan perbincangan peringkat tinggi dengan pegawai-pegawai kerajaan. Vietnam negara pertama dalam kunjungannya yang juga meliputi Myanmar dan Kemboja.

Di Hanoi, Abdullah mempengerusikan bersama-sama rakan sejawatannya Nguyen Manh Cam mesyuarat kedua Suruhanjaya Bersama Malaysia-Vietnam yang berlangsung dua hari.

Mengenai mesyuarat itu, katanya kedua-dua negara telah mengenalpasti bidang baru kerjasama yang dapat memperluaskan lagi hubungan sedia ada.

Ini termasuk cadangan untuk membentuk jawatankuasa bersama mengenai kerjasama pertanian, perbankan dan kewangan terutama dalam bidang latihan, katanya.

Katanya isu yang masih menjadi masalah ialah 17 pelarian haram yang belum dipastikan taraf kewarganegaraan mereka.

Abdullah juga mengunjung hormat Perdana Menteri Vo Van Kiet dan Setiausaha Agung Parti Komunis Vietnam Do Moi di Hanoi manakala di Ho Chi Minh City, beliau mengadakan perbincangan dengan Pemangku Pengerusi Jawatankuasa Rakyat Vo Viet Thanh.

Malaysia ialah negara pelabur ketujuh terbesar dengan pelaburan berjumlah AS\$920 juta dalam 49 projek.

Sejak membuka kedutaan di Hanoi pada 1976, hubungan Malaysia-Vietnam meningkat terutama sejak beberapa tahun lepas dengan pertukaran lawatan peringkat tertinggi melibatkan lawatan Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Vo Van Kiet dan Do Moi.

Mesyuarat pertama suruhanjaya bersama Malaysia-Vietnam berlangsung di Kuala Lumpur pada September tahun lepas, dua bulan selepas Vietnam menyertai Asean sebagai anggota ketujuhnya.

-- BERNAMA

MGM AHH